



NOTA EFEKTIF

Pengertian Sejarah

Herodotus

Sejarah merupakan penceritaan tentang tindakan manusia dan sebab-sebab mereka melakukannya.

Ibn Khaldun

Sejarah membicarakan peradaban manusia dan perubahan yang berlaku.

E.H. Carr

Sejarah ialah satu proses interaksi antara masa kini dengan masa lampau.

Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim

Sejarah merujuk kepada peristiwa yang pernah atau sudah berlaku.

Dr. Muhd Yusof bin Ibrahim

Sejarah merupakan catatan atau rekod sesuatu peristiwa yang berlaku pada masa lalu.

Sumber Sejarah

Sumber Primer

1. Dikenali sebagai sumber pertama.
2. Berada dalam bentuk asal dan belum diolah.
3. Contoh sumber primer ialah fosil, manuskrip, dokumen rasmi dan artifak.

(a)	Fosil	Tinggalan tumbuhan atau haiwan yang terawet
(b)	Manuskrip	Tulisan tangan seperti <i>Hikayat Hang Tuah</i> dan <i>Sulalatus Salatin</i>
(c)	Artifak	Hasil ciptaan manusia seperti alat batu, tembikar, senjata dan duit syiling
(d)	Dokumen rasmi	Mengandungi catatan tentang peristiwa sejarah yang telah berlaku

Sumber Sekunder

1. Sumber sekunder ialah penulisan yang dihasilkan daripada sumber asal.
2. Contoh sumber sekunder ialah:

(a)	Buku
(b)	Majalah
(c)	Risalah
(d)	Akhbar



Kaedah Penyelidikan Sejarah



Kaedah Arkeologi

- Merupakan proses mendapatkan maklumat daripada bahan tinggalan sejarah.
- Kaedah ini dilakukan melalui proses gali cari (ekskavasi).
- Contohnya, fosil, tembikar, barangan logam dan kulit siput.
- Bidang arkeologi maritim atau arkeologi bawah air merupakan proses mendapatkan maklumat tinggalan kebudayaan manusia yang terdapat di dasar laut, sungai atau tasik.
- Contohnya tapak kapal karam, struktur purba dan artifak.

Kaedah Lisan


- Merupakan proses mendapatkan maklumat melalui temu bual.
- Individu yang ditemu bual dikenali sebagai orang sumber.
- Orang sumber terdiri daripada mereka yang terlibat dalam peristiwa sejarah, melihat atau mendengar peristiwa sejarah daripada orang lain.
- Langkah-langkah dalam kaedah lisan :
 - (a) Mengenal pasti orang sumber dan menyediakan soalan berdasarkan tajuk kajian
 - (b) Menemu bual dan merakamkan perbualan
 - (c) Menyalin rakaman, menyimpan data perbualan dan membuat penulisan

Kaedah Bertulis

- Merupakan proses mendapatkan maklumat daripada tulisan dan lakaran.
- Maklumat diperoleh daripada dinding gua, kayu, batu dan bahan bercetak.
- Langkah-langkah dalam kaedah bertulis :
 - (a) Mengenal pasti sumber sejarah yang tepat
 - (b) Mengumpulkan sumber sejarah
 - (c) Mentafsir maklumat dalam sumber
 - (d) Membuat penulisan

Ruang dan Masa 

1. Urutan masa dikenali sebagai kronologi.
2. Konsep masa dibahagikan kepada dekad, abad dan alaf. Konsep masa juga dilihat mengikut zaman, iaitu zaman Sebelum Masihi (SM) dan zaman Masihi (M).



Dekad - Tempoh selama 10 tahun
 Abad - Tempoh selama 100 tahun
 Alaf - Tempoh selama 1000 tahun

Sebab dan Akibat dalam Peristiwa Sejarah 

Peristiwa mendapatkan kemerdekaan bagi negara juga mempunyai sebab dan akibat.

